

- 10 Kemunculan mesin cetak telah memberi kesan kepada nasionalisme di Tanah Melayu abad ke 20.

Apakah kesan tersebut ?

- A Pentadbiran sistematik
- B Penentangan terhadap British.
- C Peningkatan sistem pendidikan.
- D Perluasan pengaruh barat.

- 11 Maklumat berikut berkaitan akhbar yang dibentuk bagi melahirkan semangat nasionalisme di tanah melayu.

- Diterbitkan pada 23 Julai 1906
- Menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam sebenar.

Apakah akhbar tersebut ?

- A Saudara.
- B Neracha.
- C Al – iman
- D Pengasuh

- 12 Antara berikut, yang manakah mencirikan Kaum Muda

- A Terdiri daripada golongan pemuda
- B Memperjuangkan nasib golongan muda
- C Membawa idea baru dari timur tengah
- D Mengasingkan diri dari golongan tua.

- 13 Pernyataan berikut berkaitan karya kreatif yang telah lahir di tanah melayu.

- *Mari kita berjuang*
- *Angan – angan dengan gurindam*
- *Sedarlah*

Apakah isu yang dibangkitkan dalam penulisan tersebut ?

- A Memupuk semangat kebangsaan
- B Menyeru penubuhan persatuan
- C Menentang tuntutan orang dagang
- D Menuntut kemerdekaan negara

- 14 Persatuan Sahabat Pena Malaysia (PASPAM) telah ditubuhkan pada tahun 1934.

Apakah peranan PASPAM ?

- A Membincangkan masalah ekonomi.
- B Menggalakkan kemajuan bangsa
- C Memajukan budaya dan maruah
- D Menegakkan ajaran Islam

15.

Kesatuan Melayu Singapura (KMS) berperanan penting dalam membela nasib orang – orang Melayu

Apakah bukti keberkesanan perjuangan kesatuan di atas

- A Pembentukan pasukan tentera semut.
- B Mendapat naungan daripada kerajaan British.
- C Menghadiri Kongres Melayu di Kuala Lumpur.
- D Penubuhan cawangan di negeri Melayu lain.